



# **PROPOSAL BERKAITAN DASAR KAMPUS SEMPENA COVID-19**

KEPADA

PENGURUSAN TERTINGGI UNIVERSITI MALAYA

DISEDIAKAN OLEH

KESATUAN MAHASISWA UNIVERSITI MALAYA 2020

## 1. KESELAMATAN

Umum mengetahui bahawa kawasan di sekitar Universiti Malaya iaitu Lembah Pantai dan Petaling Jaya merupakan kawasan zon merah Covid-19 yang mencatat antara kes yang tertinggi bagi daerah Selangor. Justeru, perkara ini telah mendatangkan kebimbangan dalam kalangan pelajar Universiti Malaya (UM). Baru-baru ini, pihak pengurusan UM telah membuat keputusan membenarkan para pelajar untuk pulang ke kampus bagi tujuan pembelajaran atas talian (E-Learning). Para pelajar akan dibenarkan pulang ke kampus secara berperingkat. Namun begitu, disebabkan pihak pengurusan UM belum lagi mengeluarkan peraturan atau prosedur khusus, banyak persoalan dan kekeliruan yang timbul dalam kalangan pelajar mengenai proses pelajar untuk pulang berperingkat tersebut.

Menurut Seksyen 18 Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994, Pengurusan UM mempunyai tugas untuk memastikan para pelajar dan juga staf bebas daripada terdedah dengan perkara yang mengancam kesihatan dan memastikan keselamatan persekitaran Universiti Malaya.

Oleh yang demikian, KMUM mengharapkan supaya pihak Pengurusan Universiti Malaya dapat menyediakan 2 pelan yang berbeza iaitu *worst-case scenario plan* sekiranya UM masih berada dalam zon merah dan pelan sekiranya kes di kawasan UM semakin pulih.

Bagi memastikan proses pelajar untuk pulang berperingkat dengan selamat, KMUM mencadangkan agar pihak OSHE UM dan Pengurusan UM boleh mengeluarkan satu prosedur untuk pelajar yang akan pulang secara "wave". Kesemua kolej akan mempunyai *1st wave*, *2nd wave* dan *3rd wave* bagi pergerakan pelajar pulang ke kolej kediaman.


Sebagai contoh, *1st wave* merangkumi zon kolej kediaman KK1, KK2 dan KK6. *2nd wave* pula adalah KK3, KK4 dan KK7 dan seterusnya. Cadangan juga boleh dibuat untuk pelajar pulang secara berperingkat mengikut blok masing-masing untuk mengelakkan kesesakan berlaku. Kaedah ini juga menitik beratkan penjarakkan sosial supaya diamalkan oleh para pelajar.

Bagi memastikan keselamatan di peringkat kolej, KMUM mencadangkan setiap kolej mengambil langkah penjagaan, antaranya membekalkan *hand sanitizer*. Selain itu, pita pelekat juga akan ditampalkan di lantai pejabat untuk mengukur jarak 1 meter bagi tujuan pelajar melaporkan diri. KMUM turut mencadangkan supaya staf dari Klinik Kesihatan Pelajar untuk ditempatkan di setiap kolej kediaman untuk memudahkan proses pemeriksaan suhu badan pelajar. Perkara ini juga sekali gus dapat mengesan para pelajar yang mempunyai simptom Covid-19.

Sekiranya pelajar mempunyai simptom, pelajar akan dibawa ke pusat kuarantin di KK10 dan dikuarantin selama 14 hari bagi tujuan "Home Surveillance".




## CADANGAN *FLOW CHART* BAGI PELAJAR YANG BERHASRAT PULANG KE KOLEJ KEDIAMAN




*Rajah Carta Alir 1*

## 2. AKSES KEPADA FASILITI MOD PEMBELAJARAN ATAS TALIAN (E-LEARNING)



Carta Pai 1: Statistik Berdasarkan Respon Borang Maklum balas oleh KMUM

Menurut borang maklum balas berkaitan dengan keputusan pihak Pengurusan UM bagi kaedah pengajaran & pembelajaran (PdP) yang telah dibuat oleh KMUM pada 27 Mac 2020, seramai 3391 pelajar telah mengisi borang tersebut. Daripada keseluruhan jumlah tersebut, 2315 pelajar telah bersetuju untuk meneruskan pembelajaran atas talian (*e-learning*) sekiranya pihak pengurusan UM mampu membantu para pelajar yang mempunyai akses yang terhad untuk mendapatkan capaian internet, komputer riba dan sebagainya.




Carta Pai 2: Statistik Berdasarkan Respon Borang Maklum balas oleh KMUM

Bagi rangkaian *internet*, seramai 1239 pelajar yang menyatakan bahawa mereka mempunyai rangkaian internet yang sederhana, 1040 mempunyai rangkaian yang stabil manakala 773 pelajar yang mempunyai rangkaian *internet* yang kurang stabil. Ini tidak termasuk para pelajar yang tidak dapat mengisi borang ini atas dasar tiada rangkaian *internet* di kawasan mereka.

Berdasarkan respon para pelajar dalam borang maklum balas tersebut, KMUM mencadangkan supaya pihak TNC Akademik dan Antarabangsa (TNCAA) untuk mengeluarkan arahan kepada fakulti supaya melaksanakan sistem “attendance” terhadap aksesibiliti pelajar terhadap e-learning. “Attendance” ini bertujuan untuk mengenal pasti pelajar yang tidak mempunyai akses dan capaian internet. Dengan cara ini, pengurusan universiti dapat mengenal pasti pelajar yang tidak mempunyai capaian internet dengan tepat – sama ada menjawab ‘tidak’ atau tidak jawab. Pihak pengurusan UM akan sedaya-upaya membantu pelajar tersebut untuk mendapatkan capaian internet, fasiliti dan mendapatkan *special permission* untuk membawa kembali pelajar-pelajar tersebut untuk pulang ke kampus. (**‘Special Permission’ sekiranya UM masih berada dalam ‘red zone’ mengikut prosedur khusus selaras dengan arahan KKM**).

Selain itu, KMUM mencadangkan agar pihak pengurusan UM mewujudkan satu kolaborasi dengan syarikat telekomunikasi bagi tujuan pemberian kad sim percuma kepada mahasiswa Universiti Malaya yang tidak mempunyai akses kepada internet.

Pihak Universiti perlu menjamin 100% capaian internet supaya para pelajar dapat menggunakan medium *e-learning* seperti Spectrum, Zoom, Webex Cisco Meeting dan lain-lain dengan lancar. Hal ini kerana KMUM mendapati majoriti pensyarah akan menggunakan medium tersebut untuk tujuan PdP dan penilaian.



Carta Pai 3: Statistik Berdasarkan Respon Borang Maklum balas oleh KMUM

Berdasarkan borang maklum balas tersebut, seramai 1337 pelajar yang menggunakan *mobile data* sahaja, 1104 kedua-duanya dan 950 Wi-Fi.

LAPORAN TAHUNAN 2018 - PUSAT TEKNOLOGI MAKLUMAT (PTM), UNIVERSITI MALAYA

Jadual 5: Perbelanjaan yang diuruskan oleh PTM bagi tahun 2018.

Jenis Perolehan/Perbelanjaan	OCAR 2018 (RM)	Tabung Yuran ICT (RM)	RMK11 (RM)
1. Penyelenggaraan rangkaian (kelengkapan rangkaian, internet) kampus utama	1,548,537.43	-	-
2. Penaiktarafan rangkaian internet kampus cawangan dan lain-lain	404,923.37	-	-
3. Penaiktarafan <i>network access switch, tranceiver, fibre optic</i> dan rak rangkaian	903,951.02	2,058,933.00	-
4. Penyelenggaraan lesen peralatan dan penyelenggaraan perkakasan rangkaian	398,271.00	-	-
5. Penaiktarafan kelengkapan Pusat Data	-	1,137,115.72	-
6. Penyelenggaraan Pusat Data (pelayan, pelanjutan warranti)	1,398,357.00	1,174,519.85	-
7. Pembelian komputer peribadi, komputer riba dan alat ganti	288,700.00	-	-
8. Penaiktarafan infrastruktur bilik pelayan Fasa 2	-	-	642,360.00
9. Keselamatan ICT (langganan lesen)	398,417.80	-	-
10. Penyelenggaraan lesen perisian untuk pengajaran dan pembelajaran	408,515.02	-	-
11. Emolumen bagi enam (6) staf kontrak (pindahan ke Tabung Emolumen mengikut tahun kontrak minima 2 tahun untuk pelbagai projek – purata RM509,360 setahun) dan enam (6) pelajar latihan industri secara giliran untuk projek Printis: <ul style="list-style-type: none"> <li>• 2 Sistem Maklumat Pelajar;</li> <li>• 1 Sistem E-learning;</li> <li>• 2 Multimedia;</li> <li>• 1 Laman Web; dan</li> <li>• 6 Pelajar Latihan Industri untuk projek Printis</li> </ul>	-	801,939.58	-
12. Pembelian lesen platform Sitefinity	130,000.00	-	-
13. Pembelian <i>Software Support and Maintenance SITS Vision Student Information System 2019</i>	532,621.00	-	-
14. Lain-lain (pembelian dan penyelenggaraan CCTV, pembelian komputer riba, peralatan	90,307.91	166,901.00	-

Muka 17 dari 18

Laporan Tahunan Pusat Teknologi Maklumat, Universiti Malaya 2018


Menurut laporan yang dikeluarkan oleh Pusat Teknologi Maklumat (PTM), Universiti Malaya, KMUM mendapati pihak PTM telah membuat pembelian komputer riba menggunakan tabung yuran ICT pada setiap tahun. Bagi menyelesaikan masalah

pelajar tidak mempunyai komputer riba, pihak PTM boleh memberi pinjaman komputer riba milik PTM sebagai bantuan kepada pelajar yang tidak mempunyai komputer riba. Perlu adanya satu mekanisme bagi mengenal pasti pelajar yang memerlukan bantuan dan satu kontrak bagi memastikan pelajar tersebut tidak cuai semasa menggunakan komputer riba pinjaman tersebut. Garis Panduan PTM (ISO/IEC 27001:2013) yang sedia ada hanyalah untuk pengagihan komputer riba kepada staf UM sahaja.

Pihak PTM juga boleh meluaskan akses *database* langganan UM kerana terdapat *database* yang hanya boleh digunakan melalui UM-WiFi sahaja (on-campus). Ini sekaligus membantutkan usaha pelajar untuk melakukan kajian dan bahan rujukan untuk menyiapkan tugas memandangkan hanya bilangan *database* yang boleh diakses luar kampus adalah terhad.

Rangkumannya, pihak pengurusan universiti perlulah mengambil apa-apa cara dan inisiatif sekali pun – sama ada, pemberian kad sim percuma, pinjaman komputer riba atau pun membawa pulang pelajar yang terkesan pulang ke kampus bagi memastikan setiap mahasiswa mempunyai akses terhadap pembelajaran atas talian ini. Semua ini adalah penting bagi memastikan tidak ada sesiapa pun yang tertinggal di belakang (*no one should be left behind*) dalam pengajaran dan pembelajaran mod atas talian ini.

### 3. **KEBERKESANAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN MELALUI E-LEARNING**



Carta Pai 4: Statistik Berdasarkan Respon Borang Maklumbalas oleh KMUM

Menurut keputusan yang dikeluarkan oleh Universiti Malaya, *e-learning* akan tetap berjalan sehingga tamat semester bermula 27 April 2020 ini. Berdasarkan borang maklum balas yang diterima oleh KMUM, seramai 2634 bersetuju untuk meneruskan

*e-learning* sekiranya pihak UM mampu memastikan kualiti *e-learning* supaya setaraf seperti dengan sesi PdP bersemuka.

KMUM menyarankan pihak UM untuk mencari jalan penyelesaian bagi merapatkan jurang kualiti antara *face-to-face learning* dan *e-learning*. Satu garis panduan atau piawaian minimum perlu dikeluarkan kepada pensyarah supaya hasil pembelajaran tercapai.

Pengurusan Universiti perlulah memberi satu garis panduan yang jelas tetapi fleksibel terhadap cara pengajaran atas talian. Contohnya, penggunaan rakaman video ataupun *teleconference* dalam masa yang sama memberikan fleksibiliti seperti membenarkan pengajaran secara *asynchronous* atau *synchronous*. Kerisauan mahasiswa terhadap pensyarah yang hanya meletakkan bahan pengajaran ringkas di SPeCTRUM sahaja juga dapat diselesaikan dengan mengenakan piawaian minimum (*minimum standard*).

Kami juga mencadangkan pihak TNCAA untuk memberi penjelasan bagaimana *e-learning* adalah satu kaedah yang efektif dan bagaimana ia mampu memberi kesan kepada kebolehpasaran mahasiswa Universiti Malaya.

#### 4. PENGREDAN GRED I

Menurut Perkara 26(4)(a)(i)(B) Perlembagaan Universiti Malaya 2010, Peraturan-Peraturan Universiti Malaya (Ijazah Sarjana Muda) 2019, pelajar yang dikategorikan sebagai Gred I adalah pelajar yang belum menyempurnakan sebahagian daripada keperluan kursus dalam sesuatu semester atas sebab perubahan/perikemanusiaan atau alasan di luar kawalan pelajar yang diterima oleh Jawatankuasa Pemeriksa berkenaan.

Walau bagaimanapun, terdapat pelbagai prosedur yang agak berat dan menyusahkan bagi pelajar yang mendapat gred I dan akan mengambil peperiksaan tersebut sepertimana yang terkandung di dalam Perkara 34(2) Peraturan tersebut.

KMUM mencadangkan agar pihak fakulti mengenal pasti subjek/kursus yang akan dijadikan sebagai Gred I dan perlu disampaikan dengan segera supaya pelajar dapat melakukan persediaan awal.


Bagi mahasiswa tahun akhir, mereka seharusnya diberikan peluang untuk menyempurnakan kursus yang digredkan dengan Gred I pada semester khas supaya dapat bergraduasi tepat pada masanya.

Pihak UM juga perlu meringankan prosedur tersebut dan merangka peraturan baharu yang tidak bersifat birokratik atau memberikan fleksibiliti kepada pelajar bagi memudahkan proses pendaftaran Gred I oleh sebab para pelajar mendapat gred I bukan atas kerelaan tetapi disebabkan pandemik yang melanda di Malaysia.



Bagi isu yuran, KMUM mengharapkan yuran tidak akan dikenakan kepada pelajar yang mendapat gred I bagi semester 2, 2019/2020 sepertimana yang telah dinyatakan dalam keputusan UM. Dengan cara ini, ia mampu berlaku adil kepada para pelajar yang tidak dapat menyelesaikan kursus tersebut.

#### 5. PENJELASAN DAN PENERANGAN DARIPADA PIHAK PENGURUSAN UNIVERSITI MALAYA



*Carta Pai 5: Statistik Berdasarkan Respon Borang Maklumbalas oleh KMUM*

Menurut borang maklum balas pelajar, daripada 3391 pelajar yang memberi jawapan, 1811 jumlah pelajar bersetuju dengan keputusan yang dikeluarkan oleh pihak Universiti manakala 1580 pelajar tidak bersetuju. Juga, 1683 pelajar telah bersetuju untuk meneruskan mekanisma yang sedia ada dan 1409 memilih untuk menangguh semester ini dan 209 memberikan jawapan yang lain.

Walau bagaimanapun, telah timbul persoalan dalam kalangan pelajar iaitu bagaimana pihak pengurusan UM boleh mencapai kata putus bagi keputusan tersebut.

KMUM menyarankan agar pihak pengurusan UM dapat memberi penjelasan kepada pelajar bagaimana keputusan tersebut diambil dan menyatakan alasan penangguhan semester bukan satu pilihan pihak UM. Pihak TNCAA juga perlu memberikan penjelasan yang lebih khusus mengenai internship pada semester khas iaitu sepanjang cuti semester yang berlangsung daripada 29 Jun 2020 sehingga 21 Ogos 2020, subjek Ko-K dan Jalinan Masyarakat dan *final year project* (FYP) bagi pelajar tahun akhir yang amat memerlukan kerja praktikal seperti di makmal, kerja kajian lapangan dan sebagainya.

Secara umumnya, KMUM tidak menafikan mod pembelajaran atas talian sebagai salah satu mod pembelajaran masa hadapan. Walau bagaimanapun, penerangan secara terperinci terutamanya terhadap kesan kebolehpasaran (employability) mahasiswa melalui pembelajaran atas talian perlulah diberikan. Pihak pengurusan perlulah 'melobi' dan menyakinkan warga Universiti terhadap kelebihan dan keberkesanan mod pembelajaran atas talian ini.

## 6. PENGURANGAN YURAN

Pihak KMUM menyambut baik keputusan Bahagian Hal Ehwal Pelajar (HEP) untuk tidak mengenakan sebarang caj penginapan terhadap pelajar yang tinggal di kolej sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dari 18 hingga 31 Mac 2020.

### Yuran Pengajian

Selaras dengan kenyataan yang dikeluarkan oleh Menteri Kanan (Pertahanan), YB Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob pada 4 April 2020 yang mahu mengkaji dan mempertimbangkan cadangan penangguhan atau pengurangan yuran Pengajian IPT melalui Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), KMUM yang membawa suata mahasiswa UM ingin menyarankan kepada pihak Pengurusan UM untuk mempertimbangkan pengurangan bagi Yuran Pengajian.

Bagi isu yuran pengajian, memandangkan Universiti Malaya akan menggunakan medium *e-learning* disebabkan pandemik COVID-19 ini, terdapat beberapa caj daripada keseluruhan yuran pengajian yang pelajar tidak akan menggunakannya. Oleh yang demikian, pengurangan bagi yuran pengajian perlu dilaksanakan oleh pihak pengurusan UM. Jadual 1 menunjukkan cadangan pengurangan daripada KMUM berdasarkan pecahan caj yuran pengajian:

YURAN	SEBELUM (RM)	SELEPAS (RM)
Yuran Pengajian ( <i>Tuition Fees</i> )	Mengikut kursus	Pengurangan sebanyak <b>RM120.00</b> daripada jumlah asal adalah kerana tiada kos cetakan kertas soalan peperiksaan akhir, fasiliti pembelajaran bersemuka di fakulti tidak digunakan dan lain-lain.
Sukan dan Rekreasi	10.00	<b>0.00</b>
<b>JUMLAH PENGURANGAN (MYR)</b>		<b>130.00</b>

Jadual 1: Cadangan Pengurangan Yuran Pengajian

## **Yuran Penginapan**

Bagi yuran penginapan, KMUM menyarankan supaya pihak UM dapat mengurangkan yuran penginapan bagi pelajar yang tidak pulang ke kampus dan akan tinggal di rumah masing-masing. Caj dikenakan hanya pada jumlah hari pelajar tersebut tinggal di bilik/dorm iaitu pada awal semester sehingga tempoh PKP bermula sahaja bagi semester II, sesi 2019/2020. Satu mekanisme perlu dirancang oleh pihak UM untuk mengenal pasti pelajar yang telah pulang ke rumah sebelum tempoh PKP bermula.

Pelajar yang tidak pulang ke kampus perlu dibenarkan untuk *check out* selepas 27 April dan baki bayaran yuran kolej kediaman perlu dipulangkan.

## **Yuran JTK**

Yuran JTK adalah yuran yang perlu dibayar oleh setiap penghuni kolej kediaman pada semester I setiap sesi. Yuran sebanyak RM50.00 dikenakan untuk setiap orang bagi tujuan aktiviti pelajar di setiap kolej kediaman dalam tempoh satu tahun. Walau bagaimanapun, terdapat banyak projek kolej yang tidak dapat dilaksanakan akibat pandemik COVID-19 ini. Pihak Kementerian Pengajian Tinggi juga telah mengeluarkan arahan untuk tidak menjalankan sebarang aktiviti sehingga 30 April 2020.

Oleh yang demikian, KMUM mencadangkan supaya pemulangan yuran JTK kepada penghuni kolej kediaman sebanyak RM25.00 memandangkan aktiviti pelajar tidak dapat dijalankan pada semester kedua.

Di kala banyak agensi dan institusi kerajaan yang lain telah memberi kelonggaran dan pengurangan bayaran terhadap pelanggannya sempena pandemik COVID19 ini, KMUM juga ingin memberi saranan yang sama kepada pihak pengurusan supaya mempertimbangkan cadangan ini bagi meringankan bebanan rakan-rakan mahasiswa sempena pandemik COVID19.

## **7. WAKIL MAHASISWA DALAM PEMBUATAN POLISI KAMPUS BERKAITAN MAHASISWA**

Tambahan, KMUM juga menggesa supaya wakil mahasiswa dilibatkan secara langsung dalam pembuatan keputusan terutamanya berkaitan polisi kampus yang berkait rapat dengan mahasiswa.

Oleh itu, pihak pentadbiran perlulah dengan sesegera mungkin melantik wakil mahasiswa dalam Senat yang baharu selepas keahlian kedua-dua Saudara Mohd Akmal Hazieq dan Saudara Yap Wen Qing tamat seiring dengan pembubaran Barisan Eksekutif Kesatuan Mahasiswa Universiti Malaya (KMUM) 2019 agar pembuatan keputusan berkaitan mahasiswa dapat dilibatkan bersama-sama dengan wakil mahasiswa.

Hal ini demikian kerana terdapat sebilangan universiti baru-baru ini telah pun membuat keputusan terutamanya berkaitan dengan perubahan jadual akademik bersama-sama dengan wakil mahasiswa dalam Senat, sekali gus memaknai perwakilan mahasiswa dalam Senat.

## **KESIMPULAN**

Akhir kata, KMUM berharap agar kertas kerja cadangan ini akan diterima dengan baik oleh pihak pengurusan Universiti Malaya selaras dengan hasrat Universiti untuk sentiasa menjaga kebajikan pelajar. KMUM sentiasa prihatin dan cakna akan kebajikan mahasiswa UM. KMUM sentiasa bersedia membantu pentadbiran Universiti Malaya selagi mana keputusan dan tindakan yang diambil menguntungkan kebajikan rakan-rakan mahasiswa.

Sekian.

*BERKHIDMAT DEMI MAHASISWA*

## **Kesatuan Mahasiswa Universiti Malaya 2020**

## **RUJUKAN**

1. Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994
2. Garis Panduan Pengagihan Komputer Riba dan Desktop (ISO/IEC 27001:2013)  
<https://ptm.um.edu.my/img/files/52-notebook-and-desktop-computer-distribution-guidelines-ver-1-1.pdf>
3. Jadual Yuran Penginapan <https://hep.um.edu.my/2%20-%20CAMPUS%20LIFE/3%20-%20Residential%20College/KADAR%20YURAN%20PENGINAPAN%20KOLEJ%20-%20ENG.pdf>
4. Laporan Tahunan 2018 Pihak Teknologi Maklumat, Universiti Malaya  
<https://ptm.um.edu.my/ICT-Project/Annual%20Report%202018.pdf>
5. Perlembagaan Universiti Malaya 2010, Peraturan-Peraturan Universiti Malaya (Ijazah Sarjana Muda) 2019  
[https://education.um.edu.my/Undergraduate/Peraturan-Peraturan%20UM%20\(Ijazah%20Sarjana%20Muda\)%202019.pdf](https://education.um.edu.my/Undergraduate/Peraturan-Peraturan%20UM%20(Ijazah%20Sarjana%20Muda)%202019.pdf)